

CNS6243

R GB 22-02 00204 RA1.36

bah

Mahathir - Perkongsian (Dengan Gambar)
perkongsian KUKUH AWAM-SWASTA PENTING DALAM GLOBALISASI PERNIAGAAN
I

KUALA LUMPUR, 22 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perkongsian yang kukuh antara sektor awam dan swasta sangat penting dalam arah aliran globalisasi perniagaan sekarang.

Katanya, ini kerana globalisasi bukan hanya bermakna menjalankan perniagaan di seluruh dunia tetapi juga merangkumi disentralisasi, autonomi yang lebih dalam unit-unit luar pesisir, hubungan antara proses dan aktiviti perniagaan yang berbeza serta pelaburan semula di negara-negara tempat syarikat berkenaan beroperasi.

"Proses globalisasi hanya boleh dimanfaatkan sepenuhnya melalui pemupukan perkongsian antara sektor awam dan swasta pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta kerjasama di kalangan mereka," katanya.

Perdana Menteri berucap melancarkan Kumpulan Perundingan Komanwel mengenai Pengurusan Teknologi - Perkongsian Sektor Swasta (CPSP) dan Kumpulan Industri - Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya perkongsian ini, dalam konteks CPSP dan MIGHT, hanya berkesan jika mereka beroperasi sebagai rangkaian kerjasama yang inovatif, membolehkan wujudnya fleksibiliti, penyesuaian dan saling percaya-mempercayai.

Di Malaysia, matlamat menjadikan negara ini sebagai negara maju menjelang tahun 2020 hanya boleh dicapai jika industri memainkan sepenuhnya peranan mereka dalam perkongsian kerajaan-industri. -- Lagi.

♥22/02/15-57MST

CNS6282

U GE 22-0200183 13A1.42

bah

Mahathir - Perkongsian 2 Kuala Lumpur

Walaupun kerajaan boleh mewujudkan suasana yang sesuai bagi pertumbuhan dan aliran untuk aktiviti perniagaan, kalangan industri lah yang perlu memastikan yang pertumbuhan benar-benar berlaku.

"Atas asas itulah kami telah dengan bersungguh-sungguh memajukan konsep Persyarikatan Malaysia dan melancarkan program untuk memastikan konsep itu dilaksanakan dengan jayanya," kata beliau.

Dalam hubungan ini, katanya, kerajaan telah menubuhkan Majlis Perniagaan Malaysia (MBC) untuk membolehkan berlakunya proses perundingan secara kreatif dan dialog yang bermakna di kalangan penggubal dasar, kakitangan awam, pemimpin korporat dan ahli politik.

Katanya, MBC berfungsi bagi menyelesaikan isu-isu semasa dan yang akan muncul pada peringkat dalaman dan antarabangsa yang boleh menjejaskan pembangunan Malaysia. Ini bagi mewujudkan persepakatan mengenai arah dan strategi ekonomi negara dan untuk menggalakkan kerjasama yang produktif antara sektor awam dan swasta.

Mengenai pembentukan CPSP, Dr Mahathir berkata bahawa badan itu boleh mengambil peluang daripada kedudukan geografi negara Komanwel yang strategi ke semua benua dan perbezaan tahap kemajuan antara satu sama lain, untuk menggalakkan perniagaan melalui pemindahan amalan terbaik dalam pengurusan teknologi. -- Lagi.

♥22/02/16-36MST

CNS6298
U GB 22-02 00165 BA144
bah

Mahathir - Perkongsian 3 Kuala Lumpur

Dalam hubungan ini, Dr Mahathir menggesa kalangan industri Malaysia supaya menyokong dan menyertai CPSP sebagai meneladan langkah SAPURA dan YTL Corporation, kerana CPSP boleh juga membantu mengukuhkan lagi sumber antara satu sama lain.

Mengenai MIGHT, Dr Mahathir berkata ia mestilah berusaha ke arah memperkukuhkan kelebihan daya saing negara sekarang untuk mengekalkan, malah mempertingkatkan lagi kelebihan itu.

Katanya, ini boleh dilakukan melalui perniagaan yang berasaskan teknologi. Sama ada yang dimajukan dalam negara ini sendiri, atau teknologi daripada sumber asing, atau, yang berasal daripada pakatan strategik.

MIGHT perlu melibatkan penyertaan seberapa banyak syarikat Malaysia dan meliputi seberapa banyak bidang, supaya ia memperoleh pandangan daripada pelbagai jurus yang akan membolehkan tindakan diambil pada peringkat mikro dan makro.

"Keanggotaan yang lebih besar akan meluaskan kemungkinan dan peluang untuk penubuhan perniagaan baru melalui pakatan strategik dalam rupa bentuk perniagaan yang sedang muncul, yang dikenali sebagai perbadanan yang sebenar," katanya. -- Lagi.

▼22/02/16-59MST

CNS6348
U GB 22-02 00217 BA146
bah

Mahathir - Perkongsian 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Belia berkata, di Malaysia, MIGHT akan berpeluang untuk mengukuhkan dan menggerakkan proses penubuhan perbadanan sebenar itu dengan bekerjasama memperkuatkan kemahiran yang diperlukan dalam syarikat-syarikat.

Dr Mahathir berharap MIGHT akan juga bekerjasama dengan Kumpulan Perundingan Komanwel mengenai Pengurusan Teknologi (CCGTM) dan CPSP untuk menjalankan tindakan bersama bagi mendapatkan teknologi, dan mewujudkan cara tindakan untuk daya saing Malaysia dalam industri.

Belia berkata CCGTM yang ditubuhkan daripada inisiatif pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di sini pada 1989, hendaklah memainkan peranannya dalam menggalakkan proses baru bagi mendapatkan teknologi untuk melahirkan kelebihan daya saing nasional.

Katanya, tahun ini CCGTM mungkin perlu menumpukan perhatiannya kepada perubahan kualitatif bagi kumpulan itu dan mewujudkan formula baru bagi menguruskan CPSP dan sumbuhnya.

"Ini mungkin melibatkan perubahan daripada tabung pelbagai arah kepada yang bersumberkan kerjasama daripada pertubuhan kerajaan, syarikat, anggota CCGTM dan rakan-rakan yang lain," katanya.

Bagi mencapai matlamat ini, beliau berkata rangkaian kerjasama CCGTM sendiri mungkin perlu mengkaji satu bentuk pengurusan yang lebih berkesan sementara mengekalkan hubungan biasanya.

Beliau berkata menjelang Oktober tahun ini, CCGTM mungkin dapat mengambil pelepasan daripada CHOGM di Cyprus untuk merumuskan strategi masa depan yang menyeluruh untuk lima tahun akan datang beraskan kepada CPSP yang baru. -- Bernama.

▼22/02/17-29MST